

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 June 2015

## Golongan wanita akan terus dibantu - Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 31 Mei Golongan wanita di negara ini akan terus dibantu dan dibimbing oleh kerajaan untuk memastikan kumpulan tersebut berjaya dalam bidang keusahawanan di dalam dan luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bagi tujuan itu, beliau telah menteijemahkan bantuan tersebut dalam bentuk dasar baik (nelibatkan Bajet 2015 mahu pun Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-U).

"Saya akan terus membantu wanita, kerajaan juga akan terus membantu kerana golongan wanita ini cukup penting kepada masa depan negara kita," katanya ketika berucap melancarkan Pasamita di sini hari ini.

Sempena pelancaran tersebut, beliau turut mengumumkan bahawa kawasan tempat letak kereta Bukit Nenas di Jalan Ampang akan dijadikan tapak kekal Pasamita untuk menggalakkan lebih ramai wanita bemiaga.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Iktis Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Dalam pada itu, Najib menggesa syarikat swasta di negara ini agar

mengambil lebih raniai tenaga kerja wanita untuk mengisi jawatan di peringkat pembuat dasai kerana langkah sedemikian adalah pelaburan yang bijak.

Katanya, di beberapa negara Eropah syarikat-syarikat swasta yang mengambil tenaga kerja wanita bagi mengisi jawatan tertinggi terbukti mampu menjadi sebuah syarikat yang lebih kuat daya saing sekaligus berjaya.

"Di peringkat sektor awam, wanita yang berpangkat Jusa C ke atas telah melepasi 35 peratus dan sebaiknya, sektor korporat melakukan perkara yang sama kerana ini pelaburan perniagaan yang bijak," katanya.

Dalam perkembangan yang berkaitan, Najib turut menggesa usahawan wanita agar mengoptimalkan kecanggihan teknologi maklumat untuk memajukan pemiagaan mereka termasuk bagi menembusi pasaran di luar negara.

Mengambii contoh seorang usahawan rumpai laut wanita di Sempoma, Sabah, PerdanaMenteriberkata.sebelum ini wanita itu hanya memperoleh beberapa ratus ringgit dalam sebulan, tetapi kini meraih RM30.000 sebulan setelah memasarkan produknya dalam talian.



NAJIB TUN RAZAK dan Rosmah Mansor melihat barangan jualan selepas Majlis Perasmian Pasarnita di Kuala Lumpur, semalam. Turut serta, Shahrizat Abdul Jalil (empat dari kanan). - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH